

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 07/08/2007

# Tunku guna muslihat buah mangga di Australia

Oleh ROKIAH ABDULLAH

**PULAU PINANG** 6 Ogos - "Hanya menggunakan buah mangga, Tunku berjaya menangani isu perundangan dan hubungan dua hala dengan negara luar dengan penuh bijaksana.

"Tindakan tersebut jika tidak kena gayanya, mampu mengeruhkan dan merosakkan hubungan yang sudah sedia terjalin. Saya betul-betul kagum dengan kebijaksanaan Tunku."

Itulah cerita bekas pegawai pengiring Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj iaitu Owen Chung pada majlis Nostalgia Bersama Pekerja Tunku sempena program Kembara Merdeka Jalur Gemilang di sini hari ini.

Turut hadir tiga lagi bekas pekerja Almarhum, Abdul Samad Mokhtar, 76, pengawal pengiring; R.Kalimutoo, 82, pemandu; dan Salmiah Md. Isa, 56, tukang masak.

Chung, 75, dari Balik Pulau di sini memberitahu, muslihat Almarhum itu berlaku di lapangan terbang di Australia sewaktu Tunku tiba untuk satu urusan rasmi di negara itu.

"Sebelum berangkat ke Australia, Tunku mengarahkan saya untuk membeli mangga untuk dibawa ke sana. Saya beritahu buah-buahan tidak boleh dibawa masuk ke Australia.

"Tunku marah pada saya, Tunku suruh saya ikut sahaja apa yang beliau suruh. Saya kemudian terus pergi ke kedai membeli mangga dan membalutnya dengan surat khabar," katanya.

Setibanya di Australia, Tunku menyedari ada sekumpulan wartawan serta orang ramai sedang menunggunya untuk permohonan pengampunan terhadap warga Australia yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah di Malaysia.

"Tunku terus bertanyakan tentang buah

mangganya itu dan perkara tersebut telah didengari pegawai kastam di sana. Pegawai tersebut kemudiannya melarang Tunku membawa buah mangga itu kerana ia bertentangan dengan undang-undang negara itu," katanya.

Menurut Chung, selepas beberapa ketika, Almarhum memanggil wartawan dan orang ramai yang berkumpul di situ sambil berkata:

"Saya menghormati undang-undang negara ini yang tidak membenarkan saya membawa masuk mangga. Undang-undang negara saya pula tidak membenarkan saya memberi pengampunan kepada mereka yang melakukan kesalahan. Saya harap anda juga menghormati undang-undang negara saya."

Beliau yang berkhidmat selama 18 tahun dengan Almarhum berkata, dia terpaksa melihat kebijaksanaan Tunku itu dan semakin mengagumi kepimpinan Tunku.

"Tiada apa yang menjadi kenangan terindah dalam hidup saya selain terpilih mengiringi Tunku ke mana sahaja beliau pergi.

"Almarhum juga benar-benar seorang pemimpin yang berjuang untuk kepentingan rakyat. Wang yang ada semuanya digunakan untuk membantu mereka yang susah. Anak-anaknya terpaksa bekerja untuk mendapatkan wang.

"Inilah Tunku Abdul Rahman yang saya anggap seperti bapa saya," katanya.

Almarhum Tunku Abdul Rahman meninggal dunia 6 Disember 1990. Isterinya, Tun Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakhibah pula meninggal dunia pada 12 Mac 2000.

Salmiah pula menceritakan, dia dan pekerja-pekerja Tunku yang lain amat senang bekerja di rumah majikannya itu kerana mereka dilayan seperti keluarga sendiri walaupun berbeza bangsa dan agama.

"Kami tidak pernah terasa seperti orang suruhan malah hubungan kami bagaikan satu keluarga. Tunku juga bukan seorang



(DARI kiri) R. Kalimuthoo, Abdul Samad Mokhtar, Salmiah Md. Isa dan Owen Chung melaukan Merdeka selepas diraikan pada majlis Nostalgia Bersama Bekas Pekerja Perdana Menteri Pertama di Pulau Pinang, semalam.

- Gambar SAZALI CHE DIN

yang cerewet, senang berbincang dan dia benci pada penipu.

"Malah Bapa Kemerdekaan itu bukan sahaja seorang pemimpin berkaliber tetapi juga pandai memasak," kata Salmiah sambil tersenyum.

Menurut Salmiah, hubungan mereka sangat erat sehinggakan majlis perkahwiniannya dengan suami, Razak Ahmad, 68, dilangsungkan di banglo Tunku di Bukit Tunku, Kuala Lumpur.

"Mana mungkin saya melupakan Tunku

dan keluarganya. Dia yang memperkenalkan saya dengan suami dan dialah yang menanggung segala perbelanjaan perkahwinan kami.

Kalimuthoo dan Abdul Samad pula berkata, Tunku bukan sahaja merendah diri, malah tidak kedekut dan bersikap adil dengan kesemua pekerjanya.

"Setiap kali Tunku ke luar negara, pasti ada ole-ole untuk kami. Yang manisnya, bukan untuk kami sahaja malah untuk isteri kami juga," kata Abdul Samad.